



UNTUK SIARAN SEGERA

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (49)

KENYATAAN MEDIA

TINDAKAN SEGERA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) BERHUBUNG LAPORAN SIASATAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

PUTRAJAYA, 25 November 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil maklum dan memandang serius Laporan Siasatan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bertarikh 24 November 2025 berhubung kelulusan 54 lesen perikanan kepada dua buah syarikat di beberapa negeri. DOF menegaskan bahawa integriti, pematuhan prosedur dan dasar pelesenan merupakan asas utama tadbir urus jabatan, dan tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk salah laku, ketidakpatuhan atau unsur jenayah termasuk pemalsuan dokumen.

Sehubungan itu, DOF ingin memaklumkan bahawa proses tindakan pembetulan telah pun dibuat melalui **pembatalan pendaftaran lesen bagi empat puluh (40) buah vesel penangkapan ikan di Johor** berdasarkan **keputusan Mesyuarat Khas Penilaian Teknikal Vesel Penangkapan Ikan Zon C dan Zon C2 bertarikh 7 Julai 2025**. Langkah tegas ini adalah selaras dengan syor EAIC untuk mempertimbangkan pembatalan lesen vesel yang diperoleh melalui prosedur yang tidak teratur.

Selain tindakan pembatalan lesen, **tindakan susulan berkaitan integriti dan ketidakpatuhan prosedur turut dipertingkatkan**. Hasil siasatan telah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib DOF untuk tindakan selanjutnya terhadap pegawai yang terlibat. Syor tindakan tatatertib akan dipertimbangkan ke atas pegawai yang melakukan kesalahan tidak bertanggungjawab, ingkar perintah, dan cuai dalam melaksanakan tugas menurut peraturan semasa.

DOF juga komited melaksanakan semua syor penambahbaikan tadbir urus yang dikemukakan oleh EAIC. Ini termasuk menyediakan garis panduan permohonan ubah suai vesel melebihi 20%; menambah baik sistem pengurusan fail di Pejabat Perikanan Negeri; menetapkan had lesen perikanan atau vesel bagi setiap syarikat; dan menambah baik sistem e-Lesen.

Segala langkah ini bertujuan memastikan proses pelesenan perikanan dilaksanakan dengan penuh integriti, telus dan mematuhi undang-undang, demi melindungi industri perikanan negara serta menjamin kelestarian sumber marin.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my